

# Najib nafi BN beri kad pengenalan kepada PATI

BH-3/7/2022 mlk: 6

## Bekas PM persoal dakwaan Maximus sebagai pertukaran undi pilihan raya sebelum ini

Oleh Rafiqah Dahali  
bhnews@bh.com.my

**Penampang:** Pengerusi Lembaga Penasihat Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Najib Razak menafikan gabungan empat parti berkenaan terbabit dengan pemberian kad pengenalan kepada pendatang asing tanpa izin (PATI) sebagai pertukaran undi pilihan raya sebelum ini.

Bekas Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu kenapa Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Seri Dr Maximus Ongkili yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) membuat tuduhan sedemikian.

“Kita tidak terbabit dalam pemberian kad pengenalan. Apa-apa yang berlaku pada masa lalu kita mahu perbetulkan. Sebab itu kita letakkan pemimpin PBS untuk selesaikan perkara itu ketika za-



Najib bersama Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Mohamad Hasan pada sidang media selepas menyampaikan ucapan pada Konvensyen BN di ITCC Penampang, semalam.  
(Foto BERNAMA)

man saya (Perdana Menteri).

“Sekarang, penekanan kita mahu mengawal sempadan Sabah, memperkukuhkan keselamatan dan bekerja demi pembangunan Sabah, itulah agenda BN. Saya tidak tahu kenapa dia (Maximus) buat begitu (tuduhan),” katanya pada sidang media sempena Konvensyen BN Sabah 2022 di sini, semalam.

Khamis lalu, Maximus tanpa menyebut nama mana-mana parti, mendakwa sebuah parti kom-

ponen BN menyalahgunakan PATI di Sabah untuk kepentingan politik yang terbukti dalam siasatan Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenainya di negeri itu sebelum ini.

Dalam ucapan dasar sempena persidangan perwakilan tahunan PBS kali ke-36 dan 37, beliau juga mendakwa parti komponen BN itu menyalahgunakan kuasa dengan memberikan kad pengenalan kepada PATI untuk memudahkan golongan itu mengundi

parti terbabit pada pilihan raya negeri dan umum.

PBS pernah berada dalam BN sebagai komponen sebelum keluar pada 12 Mei 2018 selepas Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) dan menyertai Gabungan Rakyat Sabah (GRS) yang membentuk kerajaan negeri berkenaan ketika ini.

GRS dianggotai lima parti, iaitu BERSATU, PBS, Parti Solidariti Tanah Airku (STAR), Parti Maju Sabah (SAPP) dan Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO), selain membentuk kerjasama dengan Barisan Nasional (BN) dalam mentadbir kerajaan negeri.

Dalam perkembangan lain, Najib berkata, Konvensyen BN Sabah adalah permulaan baik bagi membolehkan negeri ini menjadi simpanan tetap BN menjelang Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang.

“Kita harap dapat margin yang baik, hari ini satu permulaan yang baik untuk kempen, tapi saya minta mereka berhati-hati kerana ini bukan segala-galanya. Apa yang lebih kritikal ialah semangat kebersamaan yang harus disemat di peringkat akar umbi, cawangan dan bahagian.

“Hanya dengan itu kita dapat memastikan kemenangan besar untuk BN,” katanya.